

**Aktiviti guna
bahasa Arab
diperluas**

BH
28/6/0
M/S 3

KEMENTERIAN Pelajaran menerusi Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (Japim) mempergiatkan pelaksanaan kokurikulum bertetaskan bahasa Arab dalam memupuk minat pelajar terhadap bahasa al-Quran itu.

Timbalan Ketua Pengarah Japim, Abd Rashid Ngah, berkata perluasan aktiviti bertujuan menyemarakkan penggunaan bahasa Arab selain memberi peluang lebih ramai peserta mengikuti program berkenaan.

Setakat ini katanya, kokurikulum bertetaskan bahasa Arab yang dilaksanakan tidak menyeluruh dan antara aktiviti mencakupi dialog bahasa Arab, choral speaking bahasa Arab dan pertandingan bahasa Arab.

"Kita melihat keperluan menarik ramai pelajar mempelajari dan mendalami keindahan bahasa Arab dalam pelbagai bidang termasuk teori, praktikal dan pelaksanaannya.

"Hari ini, bahasa Arab menjadi antara subjek penting peringkat sekolah malah di institusi pengajian tinggi," katanya pada Pertandingan Akhir Debat Bahasa Arab Antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2008, di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nilai, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Usim, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Pertandingan julung kali anjuran Usim dengan kerjasama Japim, Kementerian Pelajaran itu, Kolej Islam Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Kisas) muncul juara sulung, mengalahkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Falahiah, Kota Bharu, Kelantan.

Kisas diwakili Ahmad Naufal Basri, Siti Aishah Mohd Ramli dan Jaid Hafizi Idris bertindak sebagai pencadang dalam perdebatan bertajuk 'Mempelajari Ilmu Agama Dalam Bahasa Arab Adalah Lebih Baik Daripada Mempelajarinya Dalam Bahasa Ibunda'.

Kejayaan itu melayakkan Kisas merangkul Piala Pusingan Canselor Usim, piala iringan, wang tunai RM2,500, kamus elektronik dan sijil penghargaan.

SMKA Falahiah yang dibarisi Zufar Abdul halim, Umair Osman dan Musa Mohd Tan Abdullah pula membawa pulang wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penghargaan.

Pendebat Kisas, Jaid Hafizi pula dinobatkan sebagai pendebat terbaik pertandingan akhir dengan hadiah RM800 dan piala iringan.

Sementara itu, Mohamed Asin pertandingan membuktikan komitmen Usim dalam memartabatkan penggunaan bahasa Arab bukan saja di universiti, malah di peringkat sekolah.